



**PEKELILING NAIB CANSELOR BIL. 6/2020**

**DEKAN/PENGARAH/PENGETUA  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof/Prof Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**COVID-19: PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Seiring dengan keputusan Kerajaan Malaysia melalui Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 7 Jun 2020, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyambut baik pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020.
3. Sehubungan itu, pihak pengurusan tertinggi Universiti telah menetapkan penyampaian perkhidmatan di UKM adalah pada tahap 100%. Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah memastikan langkah-langkah keselamatan dan protokol kesihatan yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta penjarakan sosial dipatuhi pada setiap masa termasuk dalam mengaturkan mesyuarat dan bengkel.
4. Selaras dengan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(6) bertarikh 6 Mei 2020, jadual bekerja secara penggiliran atau bekerja dari rumah (WFH) boleh dipertimbangkan oleh Ketua PTj bagi staf yang benar-benar layak seperti kategori berikut:
  - a. Bagi premis yang tidak dapat melaksanakan penjarakan sosial disebabkan ruang yang terhad
  - b. Bagi staf yang mempunyai masalah kesihatan penyakit kritikal. Untuk kategori ini, surat perakuan Pegawai Perubatan Kerajaan (dari Hospital Pengajar Universiti atau Hospital Kerajaan sahaja) hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia melalui Ketua PTj. BSM akan meneliti dokumen bagi tujuan mendapatkan kelulusan Naib Canselor atau Pendaftar untuk ketetapan berikut:
    - i. penyakit kronik yang terkawal dan stabil : bekerja secara fizikal seperti biasa.

**PEJABAT NAIB CANSELOR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel:ncukm@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori



- ii. penyakit kronik yang tidak terkawal tanpa ada masalah akut : penggiliran bertugas / bekerja dari rumah (WFH) berdasarkan kesesuaian dan keperluan jabatan/ PTJ.
- iii. penyakit kronik yang mempunyai masalah akut: kes yang biasanya diberikan cuti sakit oleh Pegawai Perubatan disebabkan oleh beberapa simptom akut yg dihadapi contohnya : sakit kepala, muntah, "vertigo" dan sebagainya.

c. Bagi staf yang mempunyai masalah mendapatkan khidmat penjagaan untuk anak yang berumur sehingga 12 tahun atau anak-anak berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) yang bersekolah dan memerlukan penjagaan berterusan disebabkan oleh penutupan pusat penjagaan harian dan sekolah. Namun staf digalakkan untuk mencari alternatif bagi membolehkan staf kembali menjalankan tugas di UKM seperti biasa.

5. Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan Sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 yang disediakan oleh pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) dan Garis Panduan Pengendalian Aktiviti Akademik yang disediakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) juga akan diedarkan, berkuat kuasa mulai 10 Jun 2020.

6. Pihak pengurusan akan sentiasa mengemaskini pemakluman terbaru bergantung kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, semua warga adalah dinasihatkan untuk sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan diri masing-masing sepanjang menjalankan tugas dalam tempoh PKPP ini dengan meneruskan mengamalkan disiplin sosial yang tinggi. Saya mengalu-alukan kehadiran semua staf ke Kampus dengan mengadaptasi normal baharu ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROF. DATO' Ir. DR. MOHD HAMD I ABD SHUKOR**

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
  - Pendaftar
  - Bendahari
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang
  - Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti

**PEJABAT NAIB CANCELOR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 5001 Faks: +603-8921 4242 E-mel:ncukm@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

